

23/06/1998

25,000 pasport pintar dikeluarkan

KUALA LUMPUR, Isnin - Kira-kira 25,000 pasport pintar bercirikan 'Machine Readable Pasport' (MRP)/Image Retrieval Identification (IRIS) yang terancang di dunia, dikeluarkan sejak dilancarkan tiga bulan lalu.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Imigresen, Mohd Sabri Zainal, berkata orang ramai memberi sambutan menggalakkan ke atas pasport berkenaan yang dilengkapi cip silikon dan ciri keselamatan khas.

Sejak dilancarkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 20 Mac lalu, pengeluaran pasport hanya dilakukan di Jabatan Imigresen Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam dan Klang.

"Pada masa ini, Jabatan Imigresen mengemaskinikan pasport itu sebelum diperluaskan ke seluruh negara secara berperingkat tidak lama lagi," katanya ketika ditemui, di sini.

Pasport itu boleh dibaca oleh mesin khas yang ditempatkan di kaunter 117 pintu masuk dan keluar negara ini. Dengan pengenalan pasport itu, Malaysia turut dilengkapi peralatan yang diiktiraf Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

(END)